

Ruj. kami : MyFETA/Seminar/22022011-43
Tarikh : 10hb. Januari 2011

**PRESIDEN
JOHOR PORT SHIPPING AND FORWARDING ASSOCIATION**

No. 19 A, Jalan Rosmerah 2/5,
Taman Johor Jaya,
81100 Johor Bahru
Johor

Tuan,

**TAWARAN MENYERTAI SEMINAR PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN,
PERATURAN, PROSIDUR DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI
PERKHIDMATAN BUNKERING DI PERAIRAN MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa *Malaysian Fuel & Energy Training Academy Sdn. Bhd. (MyFETA)* akan mengadakan suatu seminar dengan tajuk sebagaimana di atas, secara penganjuran bersama dengan *Lembaga Pelabuhan Johor* dan *UTHM Holdings (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)*.

Berikut adalah keterangan tentang tarikh, tempat dan masa seminar tersebut akan diadakan;

1. **TARIKH** : **22HB. FEBRUARI 2011 (Selasa)**
2. **TEMPAT** : **HOTEL MUTIARA JOHOR**
3. **MASA** : **9.00 PAGI HINGGA 6.30 PETANG**

Matlamat utama Seminar dan Forum ini adalah pengumpulan maklumat/permasalahan terkini dari masyarakat perkapalan dan Operator Bunkering/STS terus kepada Jabatan/Agensi dan penyampaian peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dari pihak berkenaan kepada peserta. Para peserta boleh mengemukakan pertanyaan mahupun permasalahan terus kepada Panel Penceramah yang dianggotai oleh mereka-mereka yang menyediakan dasar dan polisi serta pelaksana penguatkuasaan maritim. Program ini dijangka akan dirasmikan oleh *Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Y.B. Datuk Abdul Rahim Bakri*.

Bersama-sama ini dilampirkan risalah keterangan dan Borang Penyertaan untuk perhatian tuan. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi *En. Mohd Hadaffi Ramli (017-3650536)*, *En. Airil (03-4266 0888)* atau email myfeta@gmail.com atau m.hadaffi@gmail.com.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
MyFETA



MOHAMED SUFIAN BIN DAMANHURI

Pengarah MyFETA

b/p Urusetia Penganjur Bersama




REGISTRATION FORM

Name	:	<input type="text"/>
Title (Dr/Prof/Ms/Mr)	:	<input type="text"/>
Designation / Position	:	<input type="text"/>
Organization Name	:	<input type="text"/>
Mailing Address	:	<input type="text"/>
Tel	:	<input type="text"/>
Fax	:	<input type="text"/>
Mobile	:	<input type="text"/>
Email	:	<input type="text"/>
Web-site	:	<input type="text"/>
Event	:	<input type="text"/>
Bank draft/Cheque No.	:	<input type="text"/>
Bank	:	<input type="text"/>
Amount	:	<input type="text"/>

Send/fax this entire form (or photocopy) / Attn. to :
Mr. Mohd Hadaffi Ramli
MALAYSIA FUELS & ENERGY TRAINING ACADEMY
No 15E, 15th Floor, Plaza Ampang City, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Tel : 03 4251 2849
Fax : 03 4251 6848
Mobile : 017 36 505 36

Note :
Cheque or bankdrafts should be
crossed and made payable to
**Malaysia Fuels & Energy
Training Academy Sdn. Bhd.**



BAGAIMANA MENYERTAI SEMINAR

HUBUNGI SEKRETARIAT atau URUSETIA
PENGANJUR BERSAMA di;

MALAYSIA FUEL & ENERGY TRAINING ACADEMY

No. 15E, Tingkat 15, Plaza Ampang City,
Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-4251 2849
No. Fax: 03-4251 2848
Pegawai; EN. MOHD HADAFI RAMLI
(017-3650536)

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

No. 4A1-8A1, Pusat Perdagangan Pasir Gudang,
81700 Pasir Gudang Johor
No. Tel: 07-2534 000
No. Fax: 07-2517 684
Pegawai; EN. DINO ASMARA

UTHM HOLDINGS SDN. BHD.

No. 5, Jalan Universiti 2, Bandar Universiti,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-4535 855
No. Fax: 07-4535 416
Pegawai; PN. HAFIZA BASRI

Borang Penyertaan juga boleh didapati menerusi
email : m.hadaffi@gmail.com.

Yuran Penyertaan adalah **RM 250.00** seorang
dibayar secara tunai atau cek atas nama Malaysian
Fuel & Energy Training Academy Sdn. Bhd.
semasa tempahan. Jumlah tempat terhad kepada
200 orang sahaja

PROGRAM DAN ATUR-CARA

Perasmian Oleh Timbalan Menteri Pengangkutan

Y.B. Datuk Abdul Rahim Bakri.

Sessi Pagi ; Pembentangan Kertas Oleh Wakil Jabatan
Sessi Ptg ; Majlis Dialog Antara Peserta Dengan
Panel Penceramah

Majlis Forum Antara Jabatan/agensi
Bagi Penyelarasan

Majlis Penyampaian Sijil

Atur-cara Penuh Akan Diedarkan Pada Pagi
Seminar Semasa Pendaftaran Peserta

KELEBIHAN SEBAGAI PESERTA

PESERTA AKAN MENDAPAT

- 1 Ilmu & Pengetahuan Terkini Perundangan Dan Amalan Penguatkuasaan.
- 2 Sijil Penyertaan Seminar Yang Dikeluarkan Oleh
- 3 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Uthm) Risalah
- 4 Ball-pen
- 5 Bag
- 6 Nota Seminar Yang Mengandungi Salinan
- 7 Kertas Pembentangan Panel Speaker / penceramah.
Buku Cenderamata ***

SEMINAR & FORUM



penganjur bersama

**PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN,
PERATURAN DAN PENGUATKUASAAN
TERHADAP AKTIVITI PERKHIDMATAN
BUNKERING DI PERAIRAN MALAYSIA**



**22hb FEBRUARI 2011
9.00 PAGI - 6.30 PETANG**

**HOTEL MUTIARA JOHOR, JLN. DATO' SULAIMAN
TAMAN CENTURY, 80990, JOHOR BAHRU, JOHOR**

OBJEKTIF & MATLAMAT

JABATAN & AGENSI KERAJAAN

Mempertingkatkan Sistem dan Mutu Penyampaian Maklumat terus kepada Masyarakat Perkapalan tentang keperluan kepada pematuhan, perundangan dan peraturan-peraturan yang dilaksanakan serta amalan penguatkuasaan demi menajankan ekonomi di sektor maritim.

Penyelarasan prosidur antara Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun agar memudahkan kefahaman Pengusaha/Operator Perkhidmatan Bunkering/STS di Malaysia khususnya di negeri Johor mematuhi peraturan terkini yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Suatu ruangan atau wadah bagi pengusaha perkhidmatan/ahli perniagaan yang berkaitan dengan sektor maritim mengemukakan permasalahan mahupun cadangan agar industri maritim lebih berdaya saing dan maju seiring dengan negara-negara jiran.

PENGUSAHA / OPERATOR BUNKERING/STS / AGEN

Dapat membentuk suatu kerjasama yang erat yang saling bantu-membantu memenuhi tuntutan pasaran yang lebih kepada kecekapan dan pengurangan kos kendalian.

Menerima ketelusan dalam penguatkuasaan yang boleh dijadikan kelebihan dalam mencorakkan suatu 'Standard' dari segi perkhidmatan yang dapat di terima-pakai oleh masyarakat perkapalan antarabangsa berbanding dengan kualiti barangan sebagaimana amalan negara jiran.

Menjadikan perkhidmatan Bunkering/STS suatu pekerjaan berkemahiran tinggi mampu dipelopori oleh rakyat Malaysia dengan kelebihan keluasan perairan sewajarnya diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai suatu bidang pekerjaan yang dituntut atau dipelajari sehingga ke peringkat sarjana bersesuaian dengan taraf Malaysia sebagai Negara Pengeluar Petroleum.

SIAPA YANG PATUT HADIR

JABATAN & AGENSI KERAJAAN

1. Kakitangan Jabatan/Agensi/Badan Berkanun yang berkaitan dengan sektor Maritim
2. Penguatkuasa yang berurusan terus dengan Masyarakat Perkapalan.
3. Pengamal Perundangan yang berhubungan dengan Mahkamah Admiralty.

PIHAK-PIHAK SWASTA & SYARIKAT GLC

1. Pemilik Syarikat dan Pengarah yang menjalankan perniagaan bahan-bakar petroleum berdaftar dengan KPDNKK.
2. Kakitangan Syarikat berdaftar dengan KPDNKK.
3. Pemilik & kakitangan yang mengendalikan kapal tangki / kapal bunker samada berdaftar di Malaysia atau Luar Negara yang menjalankan perkhidmatan di Malaysia.
4. Kakitangan Syarikat Minyak Utama di Malaysia yang membekalkan barangan kepada operator bunkering.
5. Agensi Perkapalan/Penghantaran yang berkaitan pengurusan pengisytiharaan petroleum kepada Jabatan Kerajaan dan lain-lain orang perseorangan yang berminat.



KELEBIHAN & PEROLEHAN PESERTA

Selain maklumat terus dari kakitangan Jabatan/Agensi yang membuat dan melaksanakan polisi serta penguatkuasaan yang akan dibentangkan oleh;

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Syarat-syarat berdaftar, kawasan bunkering dan prosidur menjalankan bunkering dalam batas perairan yang dibenarkan di bawah kuasa Lembaga Pelabuhan Johor.

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Prosidur atau syarat amalan yang dikuatkuasakan ke atas setiap kapal bunkering dan operator bunkering sebelum, semasa dan selepas menjalankan transaksi termasuk keperluan Lesen Perkapalan dalam Negeri (DSL). Selain amalan, prosidur dan tata-cara pemeriksaan, waran dan kompaun/denda/penalty bagi sesuatu kesalahan.

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

Prosidur dan tata-cara pemeriksaan, penahanan, penyiasatan serta pendakwaan terhadap sesebuah kapal yang ditahan atau disyaki melakukan kesalahan serta tindakan yang boleh di ambil ke atas kapal tersebut dan syarikat/agen yang dilantik.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Prosidur atau syarat yang diamalkan dan dikuatkuasakan ke atas setiap syarikat/operator bunkering/STS atau pemilik barangan sebelum, semasa dan selepas menjalankan transaksi. Selain itu amalan, prosidur dan tata-cara pemeriksaan, penahanan dan kompaun/penalty/denda terhadap syarikat/operator bunker yang ditahan atas sesuatu kesalahan ataupun disyaki melakukan kesalahan termasuk tidak membuat pengisytiharan perkastaman.